

11 JAN 1996

Mahathir-EU (bergambar)

ASIA TIDAK HARUS ADA KELOMPOK

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Asia tidak perlu menubuhkan satu kumpulan politik dan ekonomi seperti yang dilakukan oleh Kesatuan Eropah, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata : "Saya fikir kita tidak perlukan kesatuan seumpama itu...kita perlu berkumpul dan berbincang masalah kita, mungkin bagi menangani bersama sebarang tekanan daripada EU dan Amerika Utara."

"Tetapi kita tidak seharusnya menubuhkan satu kesatuan kerana itu tidak menguntungkan," katanya dalam dialog satu jam dengan para peserta Forum Asia Baru di sini.

Forum dua hari itu dianjurkan bersama oleh Institut Kajian Strategi dan Antarabangsa dan Transforma Conferences, sebuah gabungan Kumpulan Hong Leong. Lebih 100 tokoh dari 10 negara menghadiri forum itu.

Dr Mahathir berkata : "Untuk membentuk satu kesatuan Asia dan berdepan dengan pihak lain di dunia merupakan sesuatu yang kurang sihat."

Para pemimpin EU yang mengandungi 15 negara serta pemimpin 10 negara Asia timur akan membincangkan soal mengembangkan hubungan perdagangan dan pelaburan pada pertemuan ulung mereka di Bangkok Mac ini.

Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) itu juga dijangka dihadiri oleh Jepun, Korea Selatan dan China.

Mengenai kejayaan kesatuan politik dan kewangan di Eropah, Dr Mahathir berkata ianya baik selagi ia tidak ditujukan terhadap negara-negara lain.

"Seperti anda tahu, di akhir Perang Dunia Kedua dahulu negara-negara Eropah kehilangan empayar mereka...mungkin saya sensitif, tetapi saya rasa mereka cuba bersatu semula," katanya.

Menurut beliau, dengan bersatu, EU akan menjadi kuat hinggakan negara-negara baru merdeka tidak dapat berbuat apa-apa secara bersendirian.

Dr Mahathir berkata cara memaksa kehendak terhadap pihak lain sedikit sebanyak telah berlaku apabila komoditi dari Asia terpaksa dijual pada harga lebih rendah kerana Eropah merupakan satu pasaran besar dan bukan satu pasaran berasingan yang bersaing sesama sendiri.

"Bagi kita, jika mereka tidak bersatu ianya lebih baik. Tetapi sekalipun jika mereka bersatu, saya berpendapat mereka harus menimbang cara bagaimana mereka boleh menolong pihak lain," kata beliau.

Berhubung penyatuan politik, Dr Mahathir berkata selagi ianya bertujuan mengurangkan ketegangan antara mereka dan pihak lain di dunia, ianya satu yang baik.

"Kita harap mereka berjaya tetapi mereka akan menghadapi masalah dalam menggunakan mata wang yang sama kerana kadar inflasi di kalangan negara-negara anggota agak berbeza," katanya. -- BERNAMA